

06 SEP 1997

Mahathir-projek

KAJIAN PROJEK BARU DARI SEGI IMPLIKASI IMPORT

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan menangguhkan pelaksanaan projek-projek baru bagi membolehkannya mengkaji implikasi penundaannya terhadap ekonomi berikutan kejatuhan ringgit sekarang.

"Kita sedang mengkaji semua projek baru bagi melihat implikasinya dari segi import," katanya ketika menjawab pertanyaan mengenai kemungkinan lebih banyak projek baru ditangguhkan kerana masalah ringgit yang dihadapi.

Pada Khamis lepas, Dr Mahathir mengumumkan pelaksanaan tiga projek besar ditangguhkan ekoran masalah terhadap ringgit. Projek-projek itu ialah hidro-elektrik Bakun berharga RM13.6 bilion di Sarawak, Kuala Lumpur Linear City dan pembinaan lapangan terbang antarabangsa wilayah utara di Kedah.

Semasa ditanya sama ada projek-projek lain yang akan ditangguhkan telah diumumkan, beliau berkata: "Belum lagi, kerajaan mempunyai banyak projek prasarana seperti jalan raya dan lain-lain untuk mengurangkan kesesakan di bandaraya-bandaraya, sebagai contoh."

Katanya kerajaan akan memberi kebenaran hanya jika projek-projek itu tidak dibebankan dengan import.

Semasa ditanya sama ada pelaksanaan projek pentadbiran kerajaan Putrajaya juga terjejas, Dr Mahathir berkata Putrajaya akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

"Putrajaya bukan hendak dibina dalam satu hari sebab semua projek ini memakan masa, kita buat bila ada duit, tak ada duit kita tak buat," katanya.

Mengenai sama ada pembinaan projek laluan tanah tinggi juga akan ditangguhkan, Dr Mahathir berkata pada masa ini kerajaan belum menerima laporan kajian kesan alam sekitar projek itu.

"Kerajaan akan tunggu, kami mempunyai kesabaran," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau juga tidak berpuas hati dengan penggunaan peralatan tempatan dalam pelaksanaan projek-projek prasarana.

"Kita perlu meneliti perkara ini. Semua berkata mereka memerlukan traktor baru, pengorek, dan kini kita perlu mengurangkan import ke paras minimum," katanya.

Ditanya mengenai pengurangan itu, beliau berkata: "Jika kita tidak boleh kurangkannya hingga 100 peratus, maka pengurangan itu 99 peratus."

Mengenai pelaksanaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang, Dr Mahathir berkata ia projek penting kerana ia akan menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara.

Katanya dengan adanya tanah rizab di lapangan terbang baru itu, lapangan terbang itu dapat menampung perkembangan sehingga 50 tahun akan datang. -- BERNAMA

ARA AHH